

08/10/1997

Peninju harus tempuh latihan lebih keras

Prof Datuk Khoo Kay Kim

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat lebih rajin dan berdisiplin. Sesungguhnya, ia adalah faktor penting untuk negara mengatasi masalah ekonomi sekarang. Itu bererti akhir-akhir ini orang Malaysia sudah begitu layu dan berpuas hati dengan kedudukan sendiri.

Senario itu sebenarnya kelihatan juga dalam bidang sukan. Menjelang Sukan Sea dan setahun sebelum Sukan Komanwel (entah berapa kali lebih tinggi tahapnya daripada Sukan Sea) Malaysia masih perlu bergantung kepada ahli sukan yang sudah mula merosot kerana umur. Selama berapa tahun bertanding, mereka tidak pernah sampai ke paras Asia. Tahun hadapan kita mengharapkan mereka bersaing dengan ahli sukan bertaraf dunia.

Di Jakarta juga kita mengharapkan sesetengah ahli sukan sudah berusia merangkul pingat emas. Di manakah generasi muda yang kita harapkan dapat memenangi pingat emas Sukan Asia, sekurang-kurangnya pada tahun depan.

Selain kemuflian bakat bermutu, menjelang Sukan Sea beberapa sukan menghadapi masalah disiplin; yang paling aneh ialah sungutan ahli tinju bahawa latihan mereka terlampau berat. Mereka ini bukan hanya membuat persiapan untuk bertanding di Jakarta, malah Sukan Komanwel 1998.

Adakah mereka memahami bahawa dalam Sukan Komanwel nanti ada kemungkinan mereka bertemu ahli tinju dari Afrika yang mampu menang pingat emas Olimpik.

Jurulatih kebangsaan kini berasal dari Cuba. Seperti Sri Lanka, Cuba walaupun sebuah negara kecil dan kini menghadapi masalah ekonomi, ia banyak melahirkan ahli sukan yang unggul. Dalam Kejohanan Olahraga Dunia (Athens) Cuba merangkul pingat emas lompat kijang, lompat jauh dan lompat tinggi. Cuba memang sebuah negara yang sentiasa mencapai prestasi tinggi Sukan Olimpik dalam bidang tinju. Siapa boleh melupakan Teophilus Stevenson, sezaman dengan Muhammad Ali, yang menjadi juara heavyweight beberapa kali berturut-turut. Tetapi dia tidak menentang Muhammad Ali kerana tidak pernah menjadi profesional (tidak digalakkan dalam sistem komunis).

Kalau latihan ala-Cuba terlalu berat, itu bererti ahli tinju Malaysia tidak sanggup bertanding di peringkat tinggi. Tanpa latihan berat, kalau mereka cuba berlawan ahli sukan bertaraf dunia, ada kemungkinan mereka mengalami kecederaan serius.

Mungkin ramai orang tidak tahu, tinju bukan sukan baru diperkenalkan di Malaysia. Sukan ini bukan hanya mencapai kepopularan selepas Perang Dunia Pertama, malah tinjulah yang pertama memperkenalkan profesionalisme dalam sukan di negara ini.

Bermula daripada nama Johnny Carvalho (Johor), tokoh-tokoh seperti Yeoh Chai Lye, Amin Rusher, Y C Song, Kid Pancho, Kid Cabanela dan ramai lagi menjadikan negara ini (termasuk Singapura sebelum perang Dunia Pertama), Malaysia pusat pertarungan tinju yang berjaya menarik ramai peninju negara jiran, Eropah dan Australia ke sini. Ahli tinju Malaysia yang terakhir mencapai status antarabangsa dan diakui terbaik pernah dilahirkan ialah Tiger Aman.

Orang ramai juga tidak mengetahui bahawa sebelum Perang Dunia Kedua, orang Filipina datang ke negara ini kerana dua sebab; muzik dan tinju. Pada masa dulu, hampir semua guru muzik di negara ini orang Filipina.

Tinju menjadi popular kerana diperkenalkan di sekolah. Sekolah-sekolah yang banyak memberi galakan kepada tinju adalah Penang Free, King Edward Taiping, Anderson Ipoh dan English College (sekarang Sultan Abu Bakar)

Johor Bahru.

Ahli tinju negara ini banyak berlawan di Manila, tetapi ada juga berlawan di Saigon, Colombo dan Australia. Tiger Aman memang membuktikan bahawa dia bukan ahli tinju kepalang di Australia.

Benar, zaman sekarang memang tidak sesuai untuk pemuda mencari rezeki dalam bidang tinju; mereka boleh mendapat kerja lebih lumayan di tempat lain. Tetapi tinju amatour masih hidup dan mereka yang terbabit, kita harapkan sekurang-kurangnya bercita-cita tinggi; sebenarnya mendapat pingat emas di Sukan Sea bukannya cita-cita tinggi.

Kalau tidak ramai ingin membabitkan diri dalam sukan yang boleh mengakibatkan kecederaan, mungkin anggota tentera atau polis dapat dipujuk. Dahulu Tentera dan Polis bergiat dalam bidang sukan ini. Sekarang menurut mereka masa tidak mengizinkan. Mereka sukar mendapat cuti. Tetapi keadaan negara sekarang lebih aman daripada zaman 50-an dan 40-an.

Selain tinju, olahraga juga ada masalah. Olahraga selalu ada masalah. Kini seorang yang terbabit ialah Annastasia Karen Raj yang hampir sudah pasti akan mendapat pingat emas di Jakarta. Tetapi masalah Annastasia jelas bukan berdisiplin. Tanpa disiplin tidak mungkin dia dapat menjadi pemegang rekod Malaysia. Annastasia banyak bergantung kepada jurulatihnya Subramaniam. Baik atau tidak hakikat ini, keadaannya tidak dapat diubah lagi. Kalau kita mengharapkan Annastasia mencapai prestasi terbaik, jurulatihnya mesti ada di sisinya. Itu bukan perkara luar biasa. Di Barat, itu suatu kebiasaan.

Benar, kita mahu ahli sukan mematuhi peraturan. Tetapi dalam melaksanakan peraturan, kita juga perlu menggunakan budi bicara. Peraturan diwujudkan untuk kebaikan manusia; Annastasia tidak dapat mencapai prestasi maksimum, negara juga yang rugi. Apakah kerugiannya kalau dia dibenarkan berlatih sendiri di bawah pengawasan jurulatihnya? Tuntutan bahawa mereka sama-sama hidup di tempat yang sama waktu menjalani latihan berpusat, barulah semangat kekitaan dapat dibina tidak pernah terbukti. Kajikanlah dengan cara objektif apa yang sebenarnya wujud dalam kem.

Sudahlah sampai masa untuk masyarakat Malaysia menghadapi hakikat. Kita banyak melakukan ini dan itu berasaskan andaian bukannya kenyataan. Begitu juga kita daripada semasa ke semasa, menggubal rancangan rancangan dengan lebih panjang, dengan menggunakan istilah-istilah yang terkini, tetapi apakah hasilnya? Bila sampai masa untuk melaksanakan program rapi, mereka yang bertanggungjawab kelam kabut. Dan melaksanakan sesuatu secara berkesan bukan bererti kita "menurut perintah atau arahan". Kita perlu menggunakan akal; menimbang di antara yang akan membawa hasil dengan yang tidak mungkin mencapai objektif yang dikehendakki. Kalau itu semua tidak disedari, kita akan terus tenggelam.

(END)